

Lawatan Penilai Luar Program Kimia Industri, Prof. Jane Thomas-Oates



Pensyarah-pensyarah Kimia Industri bersama Prof. Jane Thomas-Oates.

Pada 19 November 2010, program Kimia Industri telah menerima pelawat daripada University of York, United Kingdom iaitu Prof Jane Thomas-Oates pelawat ini juga merupakan penilai luar Program Kimia Industri. Tujuan lawatan ini ialah untuk menilai keberkesanan serta kesinambungan struktur kursus program Kimia Industri dengan sesuai dengan keperluan teknologi terkini dalam kimia industri. Lawatan ini juga bertujuan untuk memenuhi syarat akreditasi program MQA. Perjumpaan

antara Prof. Jane dengan pensyarah Kimia Industri memberi peluang berkongsi pendapat tentang kaedah pengajaran yang efektif serta pindaan silibus yang bersesuaian pada masa kini. Disamping itu, beliau turut melawat semua makmal program Kimia Industri yang ada. Lawatan beliau memberikan manfaat yang besar kepada perkembangan kualiti program Kimia Industri.